



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 167

AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976

Tarikh Perkenan Diraja 6 Mac 1976

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 11 Mac 1976

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1998

Cetakan Semula Yang Kedua 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 167

AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kuasa Pengarah dan pelantikan Pegawai Pemeriksa
4. Kanun Keseksaan
5. Kuasa Pegawai Pemeriksa untuk memasuki dan memeriksa tanah, dsb.
6. Kuasa untuk mengarahkan pemusnahan atau perawatan tumbuh-tumbuhan dan makhluk perosak atau perawatan tanah
7. Penguatkuasaan sesuatu tindakan yang dikehendaki di bawah mana-mana notis di bawah seksyen 6 atau perintah di bawah subseksyen 12(1)
8. Penalti bagi keingkaran
9. Kuasa mahkamah untuk memerintah langkah-langkah
10. Pemencilan tanah
11. Kewajipan apabila munculnya makhluk perosak berbahaya
12. Kuasa untuk mengambil tindakan terhadap makhluk perosak berbahaya
13. Peruntukan mengenai pampasan
14. Larangan pengimportan atau pemilikan tumbuh-tumbuhan berbahaya dan makhluk perosak
15. Kewajipan untuk memusnahkan tumbuh-tumbuhan berbahaya
16. Tindakan jika tumbuhan berbahaya tidak dimusnahkan dengan sewajarnya
17. Kuasa untuk menyita, menahan dan menghapuskan tumbuh-tumbuhan berbahaya

Seksyen

18. Penalti
19. Pemindahan makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya
- 19A. Penalti Am
20. Penyampaian notis
21. Penyampaian ganti
22. Pendakwaan hendaklah mendapat keizinan Pendakwa Raya
23. Peraturan-peraturan
24. Pemansuhan dan kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 167

AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976

Suatu Akta untuk meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pengawalan, pencegahan dan penghapusan makhluk perosak pertanian, tumbuh-tumbuhan berbahaya dan penyakit tumbuhan dan bagi meluaskan kerjasama dalam mengawal pergerakan makhluk perosak dalam perdagangan antarabangsa dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

[12 Mac 1976]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.
(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi seluruh Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“berpenyakit” ertinya mengandungi apa-apa makhluk perosak;

“import” dengan variasi gramatis dan ungkapan seasalnya ertinya membawa atau menyebabkan dibawa ke dalam mana-mana kawasan komponen dari sesuatu tempat di luar kawasan itu, melalui darat, laut atau udara;

“kawasan komponen” ertinya kawasan yang terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Sabah atau Negeri Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud pelaksanaan Akta ini;

“makhluk perosak” ertinya apa-apa haiwan vertebrat atau haiwan invertebrat (termasuk telur haiwan itu), kulat, kuman, virus, viroid, organisma seakan-akan mikoplasma rumpai, atau apa-apa organism lain yang mendatangkan atau boleh mendatangkan bencana pada tumbuh-tumbuhan dan termasuklah apa-apa makhluk perosak berbahaya;

“makhluk perosak berbahaya” ertinya apa-apa makhluk perosak yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai suatu makhluk perosak berbahaya bagi maksud Akta ini bagi seluruh atau mana-mana bahagian Malaysia:

Dengan syarat bahawa jika perisytiharan mengenai sesuatu makhluk perosak menyentuh Negeri Sabah atau Sarawak atau kedua-dua Negeri itu, Menteri hendaklah berunding dengan Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak atau kedua-dua Menteri Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum membuat sesuatu perisytiharan itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi penghapusan makhluk perosak pertanian dan tumbuh-tumbuhan berbahaya dan bagi pencegahan penyakit tumbuhan;

“organisma berfaedah” ertinya apa-apa haiwan invertebrat (termasuk telur haiwan itu), kulat, bakteria, virus atau apa-apa organisma lain yang berfaedah pada pertanian dan yang tidak berupaya merosakkan tumbuh-tumbuhan;

“Pegawai Pemeriksa” ertinya seseorang Pegawai Pemeriksa yang dilantik di bawah subseksyen 3(3);

“pemencilan” ertinya pemencilan mana-mana tanah bagi maksud dan mengikut cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 10;

“pemunya” berhubung dengan mana-mana tanah ertinya seseorang yang pada masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah di bawah undang-undang berhubung dengan tanah yang terpakai dalam masing-masing kawasan komponen dan hendaklah termasuk, dalam hal Sarawak, pemegang mana-mana tanah menurut hak dari segi adat;

“penduduk” termasuklah seseorang penerima pajak atau penyewa atau penggembur atau orang yang sebenarnya memiliki, menguruskan atau mengawal mana-mana tanah;

“Pengaruh” ertinya Ketua Pengarah Pertanian bagi Semenanjung Malaysia, yang tanggungjawabnya diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan, Pengarah Pertanian bagi Sabah atau Pengarah Pertanian bagi Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“tanah” termasuklah—

- (a) permukaan bumi dan segala benda yang membentuk permukaan itu;
- (b) bumi di bawah permukaan dan segala benda di dalamnya;
- (c) segala tumbuh-tumbuhan dan keluaran semula jadi lain sama ada atau tidak memerlukan penggunaan berkala tenaga buruh bagi mengeluarkannya dan sama ada di atas atau di bawah permukaan itu;
- (d) segala benda yang melekat pada bumi, atau yang terpasang secara kekal pada apa-apa benda yang melekat pada bumi, sama ada di atas atau di bawah permukaan itu; dan
- (e) tanah yang diliputi oleh air,

“tanah” ertinya apa-apa tanah, bumi atau bahan organik dan galian yang terdapat secara semula jadi yang dalamnya tumbuh-tumbuhan boleh ditanam;

“tumbuhan” ertinya apa-apa jenis tumbuhan atau apa-apa bahagian daripadanya sama ada hidup atau mati dan termasuklah batang, dahan, ubi, bebawang, umbisi, pokok penanti, kayu mata-tunas, keratan, tut, keratan tunas, pelekap, akar, daun, bunga, buah, biji atau apa-apa jua bahagian atau keluaran lain dari sesuatu tumbuhan itu sama ada terputus atau tercantum tetapi tidak termasuk apa-apa keluaran tumbuhan yang telah melalui suatu proses perawatan haba dan perawatan pengering;

“tumbuhan berbahaya” ertinya apa-apa tumbuhan yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai suatu tumbuhan berbahaya bagi maksud Akta ini bagi seluruh atau mana-mana bahagian Malaysia dan termasuklah biji dan tiap-tiap bahagian tumbuhan itu:

Dengan syarat bahawa jika perisytiharan mengenai tumbuhan berbahaya itu menyentuh Negeri Sabah atau Sarawak atau kedua-dua Negeri itu, Menteri hendaklah berunding dengan Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak atau kedua-dua Menteri Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum membuat perisytiharan itu.

Kuasa Pengarah dan pelantikan Pegawai Pemeriksa

3. (1) Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan am tentang semua perkara bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini berkenaan dengan kawasan komponen mereka masing-masing dan kuasa Pengarah yang diberi di bawah Akta ini hendaklah ditafsirkan mengikut peruntukan subseksyen ini:

Dengan syarat bahawa kuasa yang diberi kepada Pengarah di bawah seksyen 19 tidak boleh ditafsirkan seolah-olah perjalanan kuasa itu oleh mana-mana Pengarah terbatas dalam kawasan komponen Pengarah itu sahaja.

(2) Pengarah hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diberi kepada mereka oleh Akta ini mempunyai semua kuasa yang diberi kepada Pegawai Pemeriksa di bawah Akta ini berkenaan dengan kawasan komponen mereka masing-masing.

(3) Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai Jabatan Pertanian dalam kawasan komponen mereka masing-masing menjadi Pegawai Pemeriksa bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini berkenaan dengan kawasan komponen yang baginya pelantikan itu dibuat dan kuasa yang diberi kepada Pegawai Pemeriksa di bawah Akta ini hendaklah ditafsirkan mengikut peruntukan subseksyen ini:

Dengan syarat bahawa kuasa yang diberi kepada Pegawai Pemeriksa di bawah seksyen 19 tidak boleh ditafsirkan seolah-olah perjalanan kuasa itu oleh mana-mana Pegawai Pemeriksa itu terbatas di dalam kawasan komponen Pegawai Pemeriksa itu sahaja.

Kanun Kesenakan

4. Tiap-tiap Pengarah dan Pegawai Pemeriksa apabila bertindak dalam ruang lingkup kuasa dan kewajipan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Kesenakan [Akta 574] yang terpakai dalam kawasan komponen masing-masing.

Kuasa Pegawai Pemeriksa untuk memasuki dan memeriksa tanah, dsb.

5. (1) Seseorang Pegawai Pemeriksa boleh pada bila-bila masa yang munasabah, dengan atau tanpa penolong, perkakas atau barang, memasuki mana-mana tanah dan boleh tinggal di situ selama yang semunasabahnya perlu bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk memeriksa dan meneliti tanah dan apa-apa tumbuhan di atasnya bagi memastikan sama ada sesuatu tumbuhan berbahaya atau makhluk perosak ada di atas tanah itu atau

sama ada tanah itu atau apa-apa tumbuhan di atasnya ada dalam keadaan yang membolehkan bermulanya atau merebaknya apa-apa tumbuhan berbahaya atau makhluk perosak; dan

- (b) untuk mengambil dengan apa-apa cara mana-mana bahagian daripada tumbuhan itu yang difikirkannya perlu bagi maksud pemeriksaan atas penyiasatan.

(2) Pemunya atau penduduk tanah itu hendaklah membenarkan tiap-tiap Pegawai Pemeriksa mempunyai akses kepada tanah itu bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan hendaklah memberi kepada Pegawai Pemeriksa itu segala maklumat yang diminta olehnya, dan hendaklah memberi kepada Pegawai Pemeriksa itu apa-apa bantuan yang semunasabahnya perlu bagi maksud itu.

Kuasa untuk mengarahkan pemusnahan atau perawatan tumbuh-tumbuhan dan makhluk perosak perawatan tanah

6. (1) Jika, pada atau sebagai hasil daripada sesuatu pemeriksaan atau penelitian tanah atau tumbuh-tumbuhan oleh seorang Pegawai Pemeriksa, dia berpendapat bahawa sesuatu tumbuhan berpenyakit mengikut cara dan setakat yang mungkin membahayakan tumbuh-tumbuhan lain, dia boleh, melalui notis secara bertulis yang ditandatangani yang disampaikan kepada pemunya atau penduduk tanah di mana tumbuhan itu dijumpai, mengarahkan pemunya atau penduduk itu menjalankan, dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa langkah yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pegawai Pemeriksa itu bagi menghapuskan atau mencegah merebaknya makhluk perosak itu sama ada dengan memusnahkan, membuang atau merawat mengikut cara yang akan dinyatakan dalam notis tersebut mana-mana tumbuhan berpenyakit atau mana-mana tumbuhan lain, atau apa-apa makhluk perosak atau alat atau perkakas atau struktur yang digunakan bagi maksud pertanian di atas tanah itu.

(2) Jika, pada masa atau sebagai hasil daripada sesuatu pemeriksaan atau penelitian tanah atau tumbuh-tumbuhan oleh seseorang Pegawai Pemeriksa, dia berpendapat bahawa mana-mana tanah atau tumbuhan dalam keadaan yang membolehkan bermulanya atau merebaknya sesuatu makhluk perosak, dia boleh melalui notis secara bertulis yang ditandatangani yang disampaikan kepada pemunya atau penduduk tanah di mana terdapat keadaan sedemikian, mengarahkan pemunya atau penduduk itu menjalankan, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa langkah yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pegawai Pemeriksa itu bagi menghapus atau mencegah merebaknya

makhluk perosak itu sama ada dengan memusnahkan, membuang atau merawat mengikut cara yang akan dinyatakan dalam notis tersebut mana-mana tumbuhan itu atau mana-mana tumbuhan lain, atau apa-apa makhluk perosak atau alat atau perkakas atau struktur yang digunakan bagi maksud pertanian di atas tanah itu dengan tujuan supaya keadaan yang demikian tidak membolehkan bermulanya atau merebaknya apa-apa makhluk perosak.

(3) Kos bagi langkah-langkah itu dan bagi menjalankannya sebagaimana disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah dibayar oleh pemunya atau penduduk tanah itu.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah menyatakan suatu masa yang tidak kurang daripada tujuh hari dari tarikh notis itu yang dalam masa itu pemunya atau penduduk tanah itu boleh membuat representasi secara bertulis—

- (a) kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi Negeri dalam Semenanjung Malaysia di mana tanah yang dinyatakan dalam notis itu terletak;
- (b) kepada Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah jika tanah yang dinyatakan dalam notis itu terletak dalam Negeri Sabah; atau
- (c) kepada Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sarawak jika tanah yang dinyatakan dalam notis itu terletak dalam Negeri Sarawak,

berkenaan dengan mana-mana atau semua arahan yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Menteri Besar atau Ketua Menteri mana-mana Negeri dalam Semenanjung Malaysia atau Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak yang kepadanya dibuat representasi di bawah subseksyen (4) boleh mengesahkan, atau menggantung perjalanan kuat kuasa notis itu atau membatalkan notis itu atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penguatkuasaan sesuatu tindakan yang dikehendaki di bawah mana-mana notis di bawah seksyen 6 atau sesuatu perintah di bawah subseksyen 12(1)

7. (1) Jika seseorang pemunya atau penduduk tanah yang kepadanya telah disampaikan suatu notis di bawah seksyen 6 atau subseksyen 12(1) tidak mematuhi kehendak notis itu dalam masa yang

dinyatakan dalam notis itu bagi melaksanakan perbuatan yang dikehendaki olehnya supaya dilakukan, Pegawai Pemeriksa boleh, tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 6(5), memasuki tanah yang dimaksudkan oleh notis itu bersama dengan orang, perkakas dan barang yang perlu dan boleh bertindak melaksana dan melakukan di atasnya segala perbuatan dan perkara yang dikehendaki oleh notis tersebut supaya dilaksanakan atau dilakukan, dan boleh menuntut kos dan semua perbelanjaan yang dilakukan bagi berbuat demikian daripada pemunya atau penduduk tersebut dalam mana-mana Mahkamah.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh apa-apa tanggungan seseorang untuk didakwa dan dihukum di bawah seksyen 8 atau 13.

Penalti bagi keingkaran

8. (1) Jika seseorang pemunya atau penduduk tanah yang kepadanya telah disampaikan suatu notis di bawah seksyen 6 tidak mematuhi notis itu dalam masa yang dinyatakan di dalamnya, dia adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit:

Dengan syarat bahawa tiada seseorang boleh dihukum di bawah seksyen ini kerana tidak mematuhi sesuatu notis dari masa kehendak notis itu mungkin telah digantung atau dibatalkan oleh mana-mana Menteri Besar atau Ketua Menteri mana-mana Negeri dalam Semenanjung Malaysia atau Menteri Negeri yang bertanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen 6(5).

(2) Jika mana-mana Menteri Besar atau Ketua Menteri dalam Semenanjung Malaysia atau Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah membuat di bawah subseksyen 6(5) suatu perintah mengubah syarat sesuatu notis itu, notis sebagaimana telah diubah itu hendaklah, bagi maksud seksyen ini dan seksyen 7 disifatkan sebagai suatu notis di bawah seksyen 6.

Kuasa mahkamah untuk memerintah langkah-langkah

9. (1) Apabila seseorang disabitkan di bawah seksyen 8, 11 atau 13, Mahkamah yang mensabitkan orang itu boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan oleh Mahkamah itu, memerintahkan orang yang disabitkan itu supaya mengambil apa-apa langkah yang

perlu dalam masa yang akan ditetapkan oleh Mahkamah itu untuk mencegah berlakunya lagi kesalahan yang atasnya orang itu telah disabitkan.

(2) Jika seseorang tidak mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), dia bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan sebagai tambahan kepada penalti yang dikenakan di bawah seksyen 8, 11 atau 13 masing-masing.

Pemencilan tanah

10. (1) Apabila Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri dalam Semenanjung Malaysia atau Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak, atas nasihat Pengarah, berpendapat bahawa sesuatu tumbuhan di atas mana-mana tanah berpenyakit dia boleh membuat suatu perintah memencilkan tanah itu atau mana-mana bahagiannya selama tempoh yang ditetapkan dalam perintah itu dan boleh meminda atau membatalkan perintah itu pada bila-bila masa.

(2) Tidak seorang pun boleh, tanpa alasan yang munasabah, memasuki atau meninggalkan mana-mana tanah yang dimaksudkan oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tiada apa-apa jua boleh dipindahkan dari tanah itu kecuali mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh seorang Pegawai Pemeriksa.

(3) Seseorang pemunya atau penduduk bagi tanah yang dipencilkan menurut perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memohon kepada seorang Pegawai Pemeriksa untuk memeriksa tanah yang dipencilkan itu dengan tujuan untuk mendapatkan dipindaan atau pembatalan perintah itu dan Pegawai Pemeriksa itu hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas menerima permohonan tersebut melawat dan memeriksa tanah yang tersebut itu dan mengemukakan pendapat dan syornya kepada Pengarah dan Pengarah hendaklah kemudiannya menasihati Menteri Besar, Ketua Menteri atau Menteri Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Seseorang yang dengan disedarinya atau tanpa alasan yang munasabah melanggar subseksyen (2) bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Kewajipan apabila munculnya makhluk perosak berbahaya

11. (1) Bilamana makhluk perosak berbahaya, atau sesuatu tumbuhan berpenyakit disebabkan oleh suatu makhluk perosak berbahaya, dijumpai atau muncul di atas mana-mana tanah, pemunya atau penduduk tanah itu hendaklah—

- (a) dengan seberapa segera yang dia menyedari bahawa makhluk perosak itu telah dijumpai atau telah muncul di atasnya, dengan segera memberi notis mengenainya secara bertulis atau selainnya kepada Pengarah atau kepada seseorang Pegawai Pemeriksa berserta apa-apa butir yang ditetapkan;
- (b) menjalankan semua arahan yang diberi kepadanya oleh seseorang Pegawai Pemeriksa bagi memusnahkan makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan yang berpenyakit disebabkan oleh sesuatu makhluk perosak berbahaya di atas tanah itu; dan
- (c) memberi segala bantuan menurut kuasa yang ada padanya terhadap penjalanan apa-apa tindakan yang diambil oleh seseorang Pegawai Pemeriksa bagi maksud memusnahkan makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan yang berpenyakit disebabkan oleh sesuatu makhluk perosak berbahaya di atas tanah itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Seseorang Pegawai Pemeriksa yang menerima sesuatu notis mengikut perenggan (1)(a) hendaklah memberitahu Pengarah mengenai notis itu.

Kuasa untuk mengambil tindakan terhadap makhluk perosak berbahaya

12. (1) Jika Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri dalam Semenanjung Malaysia atau Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak berpendapat bahawa berkenaan dengan mana-mana tanah dalam Negerinya, penghapusan, pemusnahan atau perawatan apa-apa tumbuhan yang berpenyakit yang dijangkiti oleh sesuatu makhluk perosak berbahaya atau penghapusan, pemusnahan atau perawatan sesuatu tumbuhan yang mungkin dijangkiti sedemikian suatu perkara yang perlu atau segera atau jika Pengarah berpendapat bahawa

keselamatan sesuatu tumbuhan yang tumbuh dalam kawasan komponennya terancam oleh adanya sesuatu makhluk perosak berbahaya pada sesuatu tumbuhan yang tumbuh dalam kawasan itu atau dalam mana-mana kawasan komponen lain atau yang tumbuh di luar Malaysia dan dia fikirkan perlu bagi mencegah merebaknya makhluk perosak berbahaya itu supaya mana-mana tanah dalam kawasan komponennya dibersihkan sepenuhnya atau sebahagiannya daripada segala tumbuhan atau daripada apa-apa jenis tumbuhan yang tertentu atau bahawa penghapusan atau pemusnahan atau apa-apa cara perawatan bagi sesuatu tumbuhan yang ada di atas mana-mana tanah itu, dikehendaki, Menteri Besar, Ketua Menteri, Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian atau Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dengan segera menyampaikan suatu notis secara bertulis kepada pemunya atau penduduk tanah yang berkaitan dengannya itu mengkehendaki mana-mana atau kedua-dua daripada mereka mengambil apa-apa langkah bagi menghapus, memusnah atau merawat mana-mana tumbuhan itu atau bagi membersihkan tanah itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri dalam Semenanjung Malaysia atau Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian bagi Sabah atau Sarawak atau seseorang Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpendapat bahawa keselamatan tumbuh-tumbuhan yang lain tidak dapat dijamin dengan sepatutnya dengan tindakan yang diarah diambil di bawah subseksyen (1), Menteri Besar, Ketua Menteri, Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian atau Pengarah boleh dengan segera mengarahkan seorang Pegawai Pemeriksa atau mana-mana orang memasuki mana-mana tanah yang tertentu bersama dengan orang lain atau dengan apa-apa perkakas atau barang yang perlu dan mengambil atau menyebabkan diambil apa-apa tindakan yang tertentu bagi menghapuskan, memusnahkan, atau mengawal makhluk perosak berbahaya itu, atau bagi perawatan mana-mana tumbuhan atau membersihkan tanah itu daripada apa-apa tumbuhan sama ada makhluk perosak berbahaya itu ada di atas tanah itu atau tidak.

(3) Kos dan semua perbelanjaan yang dilakukan bagi penghapusan, pemusnahan, pengawalan, perawatan atau pembersihan sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah dibayar oleh pemunya atau penduduk tanah di mana penghapusan, pemusnahan, pengawalan, perawatan atau pembersihan itu dijalankan dan jika kos dan perbelanjaan itu telah dilakukan oleh seseorang lain selain pemunya atau penduduk itu orang itu boleh menuntut kos dan perbelanjaan itu daripada pemunya atau penduduk itu.

Peruntukan mengenai pampasan

13. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh subseksyen (2), tiada seseorang pemunya atau penduduk tanah atau orang lain berhak mendapat pampasan bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perintah yang diberi atau perbuatan yang dilakukan menurut Akta ini melainkan jika kerosakan itu telah disebabkan oleh kecuaiian yang sengaja.

(2) Pengarah boleh, menurut budi bicaranya, memerintahkan supaya apa-apa pampasan yang difikirkannya patut dibayar kepada pemunya atau penduduk mana-mana tanah yang dikehendaki supaya memusnahkan, sebagai suatu langkah berjaga-jaga, apa-apa tumbuhan di atas tanah itu yang tidak berpenyakit.

(3) Tiada sesuatu permohonan untuk mendapat pampasan boleh dilayani melainkan jika permohonan itu dibuat secara bertulis dan diterima di pejabat Pengarah dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis yang menghendaki tumbuhan itu dimusnahkan, dan walau bagaimanapun pampasan tidak boleh dibayar lebih daripada nilai yang sebenar bagi tumbuhan yang dimusnahkan itu pada tarikh notis itu.

(4) Jika timbul sesuatu persoalan tentang nilai sesuatu tumbuhan, persoalan itu hendaklah dirujuk kepada dan diputuskan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memungut hasil tanah menurut mana-mana undang-undang bertulis mengenai tanah yang pada masa itu berkuat kuasa dalam kawasan komponen di mana tumbuhan itu terdapat dan keputusan pegawai itu terakhir dan muktamad.

(5) Jika pada menjalankan dengan sempurna fungsinya mentadbirkan peruntukan Akta ini kerugian atau kerosakan berlaku pada tumbuh-tumbuhan, barang-barang, tanah atau organisma lain, kerajaan dan setiap orang yang diberi kuasa di bawah Akta ini hendaklah dikecualikan daripada segala tuntutan bagi pampasan bagi kerugian atau kerosakan itu.

Larangan pengimportan atau pemilikan tumbuh-tumbuhan berbahaya dan makhluk perosak

14. Tiada seorangpun, kecuali Pengarah, boleh—

(a) mengimport sesuatu tumbuhan berbahaya;

(b) memiliki atau menyimpan sesuatu tumbuhan berbahaya atau membenarkan tumbuhan berbahaya tumbuh pada atau di atas mana-mana tanah yang dia ialah pemunya atau penduduknya tanah itu; atau

(c) mengimport atau menyimpan sesuatu makhluk perosak:

Dengan syarat bahawa Pengarah boleh secara bertulis mengecualikan seseorang daripada mana-mana atau semua peruntukan seksyen ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya dalam pengecualian itu.

Kewajipan untuk memusnahkan tumbuh-tumbuhan berbahaya

15. Jika sesuatu tumbuhan berbahaya hidup pada atau di atas mana-mana tanah berlanggaran dengan seksyen 14, pemunya dan penduduk tanah itu hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menyebabkan supaya tumbuhan berbahaya itu dimusnahkan sama sekali dan sepenuhnya dengan membakarnya atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Pemeriksa atau Pengarah.

Tindakan jika tumbuhan berbahaya tidak dimusnahkan dengan sewajarnya

16. Jika seseorang tidak memusnahkan sama sekali atau sepenuhnya sesuatu tumbuhan berbahaya yang dia dikehendaki memusnahkan sedemikian oleh seksyen 15, seseorang Pegawai pemeriksa bersama dengan orang dan juga perkakas dan barang-barang yang perlu boleh memasuki tanah di mana tumbuhan berbahaya itu tumbuh, bagi maksud memusnahkan dan boleh memusnahkan tumbuhan berbahaya itu dan boleh menuntut kos dan semua perbelanjaan yang dilakukan bagi berbuat demikian daripada pemunya atau penduduk tanah tersebut.

Kuasa untuk menyita, menahan dan menghapuskan tumbuh-tumbuhan berbahaya

17. (1) Seseorang Pegawai Pemeriksa, atau seseorang pegawai kastam di sesuatu tempat di mana sesuatu tumbuhan berbahaya diimport atau disimpan, berlanggaran dengan Akta ini atau dengan apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen 14, hendaklah—

- (a) dalam hal seorang Pegawai Pemeriksa, menyita dan memusnahkan dengan berkesan tumbuhan itu; dan
- (b) jika pegawai itu adalah seorang pegawai kastam, menyita dan menahan tumbuhan itu sehingga ia diletakkan dalam jagaan seorang Pegawai Pemeriksa yang akan memusnahkannya dengan berkesan.

(2) Dalam seksyen ini, “pegawai kastam” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Kastam 1967 [*Akta 235*].

Penalti

18. Seseorang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan seksyen 14 atau 15 adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, walaupun seseorang Pegawai Pemeriksa boleh mengambil, atau mungkin telah mengambil tindakan di bawah seksyen 16 atau 17.

Pemindahan makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya

19. Seseorang yang dengan disedarinya dan tanpa sesuatu sebab yang sah di sisi undang-undang memindahkan atau membawa atau menyebabkan dipindahkan atau dibawa dalam Malaysia sesuatu makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dipakai bagi seseorang Pengarah atau Pegawai Pemeriksa sesuatu kawasan komponen yang boleh memindah atau membawa dalam Malaysia sesuatu makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya bagi maksud untuk memusnahkan makhluk perosak atau tumbuhan berbahaya itu atau bagi sesuatu maksud lain berhubungan dengan sesuatu penyelidikan atau kajian untuk menyingkirkan makhluk perosak atau tumbuhan itu.

Penalti am

19A. Sesiapa yang melakukan atau cuba melakukan, atau menyebabkan atau membenarkan dilakukan, atau bersubahat dalam, sesuatu perbuatan yang berlawanan dengan, atau tidak mematuhi, peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyatanya, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penyampaian notis

20. Sesuatu notis boleh disampaikan kepada seseorang bagi maksud Akta ini—

(a) dengan menyerahkan notis kepada orang itu;

- (b) dengan menyerahkan notis itu—
- (i) kepada pekhidmatnya atau kepada seorang ahli keluarganya yang dewasa di tempat tinggal atau tempat perniagaan orang itu yang biasa atau yang akhir diketahui; atau
 - (ii) kepada pekhidmat atau ejennya di pejabat berdaftar orang itu;
- (c) dengan menghantar notis itu melalui pos kepada orang itu—
- (i) di tempat tinggal atau tempat perniagaannya yang biasa atau yang akhir diketahui; atau
 - (ii) di pejabat berdaftarnya; atau
- (d) dengan cara penyampaian ganti mengikut seksyen 21.

Penyampaian ganti

21. Jika Pegawai Pemeriksa berpuas hati bahawa orang yang kepadanya notis itu hendak disampaikan tidak dapat, dengan menjalankan usaha yang sewajarnya, dijumpai dan penyampaian tidak dapat dilaksanakan sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 20, penyampaian itu bolehlah dilaksanakan—

- (a) dengan menampalkan suatu salinan notis itu di suatu tempat yang mudah dilihat—
- (i) di atas tanah itu; dan
 - (ii) di mahkamah, masjid atau pejabat atau balai penghulu atau di suatu pasar atau di suatu tempat awam yang lain, dalam kawasan di mana tanah itu terletak; dan
- (b) dengan menyiarkan suatu salinan notis itu dalam *Warta* dan, jika difikirkannya patut, dalam satu suratkhobar atau lebih yang beredar dalam kawasan komponen itu.

Pendakwaan hendaklah mendapat keizinan Pendakwa Raya

22. Tiada apa-apa prosiding boleh dimulakan dalam sesuatu Mahkamah terhadap seseorang kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Peraturan-peraturan

23. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan Akta ini dengan sepenuhnya dan secara berkesan dan bagi mencapai maksud Akta ini, dan tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut itu, peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) kuasa dan kewajipan pegawai yang dilantik di bawah Akta ini;
- (b) cara mengambil milik tanah dan bagi notis, jika ada, yang hendak diberi sebelum memasuki tanah itu;
- (c) menjalankan penelitian dan pemeriksaan akan tumbuhan dan prosiding lain yang dibenarkan oleh Akta ini;
- (d) pemberitahuan oleh pemunya dan penduduk sesuatu tanah mengenai apa-apa tumbuhan yang didapati berpenyakit sesuatu makhluk perosak berbahaya;
- (e) borang bagi notis dan perintah yang hendak dibuat oleh Pengarah atau seseorang Pegawai Pemeriksa di bawah Akta ini;
- (f) mengawal, dan syarat berkenaan dengan pengimportan atau pengeksporan makhluk perosak, organisma berfaedah, tumbuhan dan tanah bagi maksud mengawal dan mencegah makhluk perosak tumbuhan;
- (g) mengawal sesuatu makhluk atau tumbuhan yang ada dalam Malaysia bagi maksud mencegah penyakit tumbuhan;
- (h) mendapatkan dari semua pertubuhan atau pasukan sivil, tentera, tentera laut, tentera udara, polis atau pertubuhan atau pasukan lain yang ada pada masa ini atau yang ditubuhkan di Malaysia, bantuan yang diarahkan untuk mencegah bermulanya sesuatu makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya atau menghapuskan atau mengawal makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya itu jika ada di Malaysia;
- (i) mengenakan fi;
- (j) mengenakan penalti denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini melibatkan Sabah atau Sarawak, Menteri Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian, Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dirundingi sebelum peraturan-peraturan itu dibuat.

Pemansuhan dan kecualian

24. Ordinan Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan Berbahaya 1953 [*F.M.S. 59 tahun 1953*], Ordinan Makhluk Perosak Pertanian Sabah [*Bab 4*] dan Ordinan Makhluk Perosak Pertanian Sarawak [*Bab 124*] adalah dengan ini dimansuhkan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) apa-apa pelantikan yang dibuat di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu hendaklah, setakat mana pelantikan itu tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini, disifatkan sebagai telah dibuat di bawah Akta ini; dan
 - (b) sesuatu notis, arahan, perintah, peraturan atau kaedah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu hendaklah, setakat yang notis, arahan peruntukan, peraturan atau kaedah itu tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini, terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Akta ini.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 167****AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A599	Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-Tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1984	07-09-1984

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 167****AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk Panjang	Akta A599	07-09-1984
1	Akta A599	07-09-1984
2	Akta A599	07-09-1984
7	Akta A599	07-09-1984
8	Akta A599	07-09-1984
13	Akta A599	07-09-1984
19A	Akta A599	07-09-1984
23	Akta A599	07-09-1984
